



## UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

### PERATURAN BOLA TAMPAR (LELAKI)

#### **1.0 NAMA**

Kejohanan ini dinamakan Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia 2019.

#### **2.0 PERATURAN PERMAINAN**

Mengikut Undang-undang dan Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia 2019 yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan ini.

#### **3.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN**

Selain dari peraturan yang terkandung, maka sukan ini akan dijalankan mengikut Undang-undang Persekutuan Bola Tampar Antarabangsa (FIVB) dan Persatuan Bola Tampar Malaysia (MAVA) yang berkuatkuasa pada ketika ini. Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.

#### **4.0 KELAYAKAN**

Rujuk Perkara 4.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia 2019.

#### **5.0 PENGADIL/PEGAWAI TEKNIKAL KEJOHANAN**

Rujuk Perkara 7.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia 2019.

#### **6.0 PAKAIAN DAN PERALATAN**

6.1 Rujuk Perkara 8.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia 2019.

6.2 Pakaian yang bersesuaian dengan permainan Bola Tampar.

6.3 Pakaian seragam mengikut Peraturan FIVB

## 7.0 PENDAFTARAN PERMAINAN/PEMBENTUKAN PASUKAN

7.1 Setiap pasukan hanya dibenarkan mendaftar 12 orang pemain serta dua (2) orang pegawai di dalam Borang Pendaftaran Pasukan seperti berikut:-

BILANGAN PEMAIN	PEMAIN	PEGAWAI
MAKSIMUM	12	2

7.2 **Borang Pendaftaran Pasukan** yang telah disahkan dihantar **selewat-lewatnya 3 hari sebelum kejohanan bermula** ke Unit Pengelolaan Sukan, Pusat Sukan, Universiti Putra Malaysia.

7.3 Borang pendaftaran Perlawanan hendaklah dihantar 15 minit sebelum setiap perlawanan

7.4 Hanya pemain-pemain yang berdaftar dalam Borang Pendaftaran Pasukan sahaja dibenarkan bermain dalam pertandingan ini.

7.5 Setiap pasukan dibenarkan mempunyai "LIBERO" (1 orang) semasa pertandingan dijalankan.

## 8.0 SISTEM PERTANDINGAN

Rujuk Perkara 9.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia 2019.

## 9.0 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN

9.1 Cara memberi mata:

Menang	-	3 Mata
Kalah	-	0 Mata

9.2 Jika terdapat pasukan-pasukan mendapat jumlah mata yang sama atau seri,

maka pemenang akan ditentukan mengikut kaedah seperti berikut:-

9.2.1 Nisbah Mata (M),

$$M = \frac{\text{Jumlah mata menang ( semua perlawanan)}}{\text{Jumlah mata kalah (semua perlawanan)}}$$

9.2.2 Jika masih seri, Nisbah set tertinggi (S),

$$S = \frac{\text{Jumlah set menang (semua perlawanan)}}{\text{Jumlah set kalah (semua perlawanan)}}$$

9.2.3 Jika masih seri,

$$S1 = \frac{\text{Jumlah set menang (antara pasukan yang terlibat)}}{\text{Jumlah Set kalah (antara pasukan yang terlibat)}}$$

9.2.4 Jika masih seri,

$$M1 = \frac{\text{Jumlah mata menang (antara pasukan yang terlibat)}}{\text{Jumlah mata kalah (antara pasukan yang terlibat)}}$$

9.2.5 Jika sekiranya masih terdapat persamaan antara dua (2) pasukan, maka keputusan perlawanan yang telah diadakan diantara kedua-dua pasukan tersebut akan diambil kira. Pasukan yang pernah menang diperlawanan tersebut dikira menang.

9.2.6 Sekiranya masih tidak boleh ditentukan pemenang antara tiga (3) atau lebih pasukan, maka cabutan undi akan dijalankan.

## **10.0 KELEWATAN**

Hanya 15 minit sahaja akan diberikan kepada sesuatu pasukan yang lewat dan selepas itu lawannya akan diberi kemenangan percuma dengan kiraan 25 – 0, 25-0.

## **11.0 MENARIK DIRI**

Rujuk Perkara 14.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia 2019.

## **12.0 BANTAHAN**

Rujuk Perkara 15.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra

Malaysia 2019.

### **13.0 PENANGGUHAN PERLAWANAN**

13.1 Rujuk Perkara 13 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia 2019.

13.2 Sekiranya pengadil berpendapat gelanggang tidak sesuai untuk dimainkan disebabkan oleh keadaan cuaca atau kerana hal-hal yang tidak dijangkakan, permainan itu tidak dapat dimainkan atau sekiranya sesuatu perlawanan diberhentikan akibat hal-hal diluar kawalan kedua –dua pasukan dan sekiranya melebihi 4 jam keputusan berikut akan diikuti:-

13.2.1 Sekiranya bermain semula digelanggang yang sama, set yang tergendala akan disambung semula dengan mata, pemain dan kedudukan pemain yang sama. Set yang telah dimainkan dahulunya dikekalkan keputusannya.

13.2.2 Sekiranya perlawanan dimainkan di gelanggang yang lain, set yang sedang dimainkan dikira batal dan dimainkan semula dengan pemain-pemain yang sama. Set yang telah dimainkan dahulu dikekalkan keputusannya.

13.2.3 Sekiranya berlaku gangguan perlawanan melebihi 4 jam, maka keseluruhan perlawanan akan dimainkan semula.

### **14.0 HADIAH**

Rujuk Perkara 12.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia 2019.

### **15.0 PERATURAN LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN**

Rujuk Perkara 19.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia 2019.